



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

PEMBANGUNAN SATELIT PENDERIAAN JAUH NEGARA (PSPJN) MEMPERKUKUH INDUSTRI ANGKASA LEPAS NEGARA

PUTRAJAYA, 31 Januari 2024 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) mengorak langkah ke hadapan memperkukuh industri angkasa negara menerusi Program Pembangunan Satelit Penderiaan Jauh Negara (PSPJN). PSPJN adalah kesinambungan usaha Kerajaan dalam memastikan keupayaan dan kapasiti negara dalam bidang teknologi angkasa terus diperkasa selaras dengan pelaksanaan Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030).

“Program PSPJN ini akan dapat melonjak sektor angkasa negara ke tahap lebih tinggi. Masa adalah terhad dan kesegeraan perlu diberi bagi pelaksanaan program ini”, ucap YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dalam Amanat Tahun Baharu 2024 kepada warga MOSTI dan Agensi, semalam.

Tujuan pelaksanaan PSPJN adalah untuk memperkasa pemilikan data-data strategik negara melalui pengendalian sendiri satelit negara, mengurangkan kebergantungan negara kepada sumber data dan teknologi satelit luar, memastikan kedaulatan dan keselamatan negara diperkukuhkan melalui sektor teknologi angkasa, memperkasa kepakaran tempatan dan kapasiti infrastruktur angkasa negara, serta merangsang pertumbuhan industri angkasa tempatan sebagai sumber ekonomi baharu negara.

Program dan inisiatif Ini secara langsung dapat memperkasa keberkesanan pengoperasian 55 sistem aplikasi berteraskan teknologi angkasa yang telah dibangunkan oleh MYSA dan dimanfaatkan oleh lebih 100 agensi pengguna Kerajaan dalam pelbagai bidang seperti pertanian, perikanan, perhutanan, sumber asli dan alam sekitar, pemantauan tanah, kesihatan persekitaran, pengurusan bencana serta keselamatan dan kedaulatan negara.

Program PSPJN yang dilaksanakan melalui inisiatif Kerjasama Awam Swasta atau Public Private Partnership (PPP) akan membuka peluang kerjasama strategik antara Kerajaan dan industri tempatan dan seterusnya membuka potensi baharu kepada pemain industri tempatan untuk menceburi bidang pembuatan, pelancaran dan penyediaan perkhidmatan satelit. *Request for proposal* (RFP) telah dimulakan dengan mewajibkan syarikat yang berminat menyertai sesi penerangan dan lawatan tapak selama dua (2) hari pada 29 dan 30 Januari 2024. Syarikat-syarikat yang berminat perlu mengemukakan kertas cadangan selewat-lewatnya pada Julai 2024. Pelancaran satelit penderiaan jauh yang dibangunkan dalam projek ini dijangka akan dilancarkan ke angkasa lepas pada tahun 2026.

MYSA komited menerusi prinsip Daya Cipta di bawah aspirasi Membangun Malaysia MADANI untuk memastikan Malaysia menjadi peneraju dalam teknologi angkasa, mewujudkan ekosistem sektor angkasa lepas negara yang mampan, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kedaulatan negara.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

31 JANUARI 2024